



Headline: Peneroka rugi RM19k ditipu 'Datuk Ko'

Publication/Portal: Harian Metro

Date: 26 April 2021

Language: Malay

Section: Lokal

Page: 10

---

## Peneroka rugi RM19k ditipu 'Datuk Ko'

**Jempol:** 'Terbang' RM19,000 gara-gara digertak seorang suspek yang memperkenalkan diri sebagai Datuk Ko.

Itu nasib dialami seorang peneroka Felda Palong 10 di sini, selepas dihubungi suspek yang juga sindiket yang menyamar sebagai pihak berkuasa.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendant Hoo Chang Hook berkata, mangsa sebelum itu menerima panggilan telefon daripada seorang individu mendakwa sebagai Datuk Ko pada Khamis lalu.

Menurutnya, penjenayah memberitahu bahawa nama mangsa terbabit dengan jenayah pengubahan wang haram dan kegiatan dadah.

"Mangsa kemudian ditarwarkan pertolongan untuk membersihkan nama bagi mengelak diberkas polis. Mangsa kemudian disuruh memindahkan sejumlah wang ke akaun bank diberikan," katanya.

Beliau berkata, mangsa bagaimanapun menyedari ditipu sebelum membuat laporan di Balai Polis Ladang Geddes pada hari sama.

Dalam satu lagi kejadian, seorang lelaki warga emas berusia 60 tahun dari Bahau turut menjadi mangsa penipuan macau scam.

Chang Hook berkata, mangsa sebelum itu menerima panggilan pada jam 1.30 tengah hari kelmarin.

"Suspek mendakwa anak mangsa yang tinggal di Singapura ditangkap di Johor Bahru atas kesalahan dadah.

"Susulan itu mangsa diarahkan memasukkan wang berjumlah RM5,000 ke nombor akaun bank di berikan bagi menyelesaikan masalah anaknya itu. Namun mangsa menyedari ditipu sebelum membuat laporan polis.

"Kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.